



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/66/2023**

Tajuk Sebut Harga :

KERJA-KERJA MEMBINA SEBUAH JETI DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN BAGI KEGUNAAN OPERASI TEKSI AIR DI TASIK PUTRAJAYA, PRESINT 1 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** dalam **Gred G3, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)**.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **30 OKTOBER 2023**, jam **10.00 pagi** bertempat di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks PPj**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **30 OKTOBER 2023** hingga **02 NOVEMBER 2023** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **09 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

**NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya**